



Siri Webinar Kembara Modul Keluarga Sejahtera Negeri Johor (MKSNJ) 2021 Khusus Bagi Masyarakat Bukan Islam

JOHOR BAHRU — Pusat Penyelidikan Fiqh Sains & Teknologi (CFIRST), UTM meneruskan Kerjasama dengan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT) buat julung bagi mempromosikan Modul Keluarga Sejahtera Negeri Johor (MKSNJ) melalui program webinar Kembara MKSNJ khusus bagi masyarakat bukan Islam negeri Johor. Webinar tersebut diadakan pada 21 hingga 23 Jun 2021.

MKSNJ merupakan satu modul kekeluargaan yang menyeluruh khusus untuk masyarakat bukan Islam bagi memenuhi hasrat menjadikan negeri Johor sebagai sebuah negeri yang berwibawa melalui pembentukan keluarga yang sejahtera. Modul yang dibangunkan mengambil pendekatan yang bersesuaian dengan kepelbagaian masyarakat dan bangsa Johor yang terdiri daripada pelbagai latar belakang kaum dan agama masyarakat negeri Johor yang juga disandarkan kepada falsafah dan hala tuju negeri Johor.

Tujuan webinar ini diadakan adalah bagi memperkenalkan modul MKSNJ kepada masyarakat negeri Johor seterusnya memberikan pendedahan modul dan meningkatkan pengetahuan khususnya kepada masyarakat bukan Islam berkaitan topik dalam modul. Selain itu, webinar ini memperkenalkan penggunaan Massive Online Open Courseware (MOOC) dalam mempelajari modul MKSNJ ini.

Penyertaan peserta telah dibahagikan kepada tiga hari mengikut zon iaitu: Zon 1: Johor Bahru, Kota Tinggi dan Kulai; Zon 2: Pontian, Batu Pahat dan Kluang; dan Zon 3: Muar, Tangkak, Segamat dan Mersing. Sambutan yang diterima amat memberangsangkan dengan kehadiran hampir 100 orang peserta bagi setiap siri webinar. Program telah

dimulakan dengan ucapan aluan dari Ketua Pegawai Eksekutif YPKDT, Puan Nurul Naqiah Binti Haji Fadzil.

Dalam siri webinar ini, peserta diperkenalkan kepada 14 modul yang terdapat dalam modul MKSNJ secara ringkas dan penggunaan MOOC dalam mempelajari MKSNJ ini. Topik-topik pilihan yang telah dikupas ialah: Modul 2: Undang-undang Keluarga Sivil; Modul 4: Adat Dan Budaya Masyarakat Majmuk Malaysia; Modul 6: Pengurusan Bimbingan dan Pendidikan Kanak-kanak; Modul 10: Pengurusan Emosi dan Konflik; Modul 11: Pengurusan Krisis Pertengahan Umur; dan Modul 13: Tanggung jawab Sosial dan Pembudayaan Positif dalam Masyarakat.

Program dimeriahkan lagi dengan sesi kuiz serta cabutan bertuah diakhir setiap slot bagi melihat kefahaman peserta dan meraikan peserta-peserta yang hadir.